

**Rais Cadang Konvensyen Betulkan Fakta Sejarah  
Bernama  
4 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim Selasa menyarankan agar satu konvensyen sejarah diadakan untuk mencari bukti sekaligus membetulkan fakta sejarah yang diputar belit oleh pembangkang.

Beliau berkata konvensyen yang disertai pakar-pakar sejarah tanah air boleh mengumpulkan semua bahan penyelidikan dan laporan wartawan yang pernah diterbitkan ketika zaman komunis dan darurat.

Kekeliruan yang timbul mengenai sejarah tanah air boleh meracuni pemikiran rakyat terutama generasi muda yang mudah percaya dengan sumber yang tidak jelas, khususnya bacaan dari Internet, kata kepada pemberita di Kompleks Kraf di sini selepas melancarkan Buku Coretan Kenangan Tunku Abdul Rahman Putra yang diterjemahkan daripada buku Inggeris bertajuk 'Looking Back'.

"Bahan-bahan yang dikumpulkan akan menjadi bukti kepada orang ramai, (dan) pembangkang terutamanya mengenai sejarah sebenar (untuk membetulkan perkara) seperti dakwaan kononnya komunis adalah wira negara," katanya.

Rais berkata tiada pihak yang layak bercakap mengenai sejarah kecuali pakar kerana sejarah adalah fakta yang bersandarkan kepada kajian ilmiah mendalam dan mempunyai bukti-bukti yang jelas.

Katanya Jabatan Arkib Negara bersedia membantu untuk mengadakan konvensyen itu sekiranya Persatuan Sejarah Negara bersetuju untuk menyertainya.

Buku Coretan Kenangan Sejarah Tunku Abdul Rahman mengandungi 53 artikel tulisan Tunku yang pernah tersiar dalam akhbar The Star dari Disember 1974 hingga Ogos 1976, dan diterbitkan dalam bahasa Inggeris pada 1977.

Ia hasil terjemahan Pembantu Penerbitan, Jabatan Penerangan, Shamsudin Puteh, dan menceritakan pelbagai peristiwa penting pada era kebangkitan semangat nasionalisme, kejatuhan imperialisme dan perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara ketika Tunku menjadi Perdana Menteri pertama Malaysia.

Buku itu turut menceritakan mengenai perkembangan ideologi komunis dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum yang bersama-sama memperjuangkan kemerdekaan.

"Buku ini diharap dapat memperbetulkan salah tanggapan sesetengah pihak tentang peristiwa tertentu berkaitan sejarah negara di samping memupuk semangat patriotik dan semangat bersatu padu," kata Rais.

Turut hadir pada majlis itu bekas Menteri Penerangan Tan Sri Zainuddin Maidin, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Dr Rothiah Omar dan cucunda kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman, Tunku Muinuddin Putra.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617558>